

**Anwar Akan Politikkan Apa Jua Isu - Tengku Adnan
Bernama
5 Apr, 2014**

PUTRAJAYA, 5 April (Bernama)-- "Anwar akan politikkan apa jua isu," kata Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Beliau mengulas dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa kerajaan menyembunyikan maklumat mengenai kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 seperti yang dilaporkan akhbar Britain, The Telegraph.

Tengku Adnan berkata adalah mustahil bagi kerajaan untuk menyembunyikan maklumat MH370 dan tiada alasan untuk berbuat demikian, kerana kerajaan juga tidak suka kejadian itu berlaku.

"Adalah mustahil bagi kita untuk menyembunyikan sesuatu...kenapa kita harus berbuat demikian? Kita tidak mahu perkara ini berlaku, dan kita tidak suka ia berlaku," katanya dalam sidang media selepas menghadiri majlis penyampaian anugerah kecemerlangan akademik Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 14 (1) di Putrajaya, Sabtu.

Tengku Adnan, yang juga Setiausaha Agung UMNO berkata beliau tertanya-tanya mengapa sesetengah orang ramai masih percaya pembohongan Anwar dan berharap mereka akan lebih rasional mengenai isu itu.

"Mereka (pembangkang) akan memutar belit maklumat dan menceritakan yang buruk tentang kita sepanjang masa. Bagi mereka apa yang kita buat semuanya salah," kata Tengku Adnan.

Ditanya sama ada ini muslihat politik Anwar, yang merupakan Ketua Umum PKR, beliau berkata: "Itu adalah Anwar yang sebenar. Segala-galanya tentang Anwar adalah politik dan beliau tidak peduli tentang negara dan rakyat.

"Ia adalah sama dengan isu air di Selangor dan Kuala Lumpur apabila Pakatan menghalang kami daripada melaksanakan projek Langat 2 dengan tidak meluluskan projek itu.

"Hanya baru-baru ini, mereka memberikan persetujuan kerana dikatakan wujud perbalahan antara beliau (Anwar) dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Sementara itu mengulas perkara yang sama, pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussein membidas Anwar kerana menggunakan isu pesawat MH370 itu untuk kepentingan politiknya.

"Mustahil kita dapat menyembunyikan fakta sedangkan terdapat 26 negara yang terlibat dalam misi pencarian ini yang menggunakan aset terancang seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Australia dan China," katanya kepada pemberita di Melaka.

Hishammuddin berkata orang ramai boleh menilai sendiri sama ada pihak pembangkang betul-betul ikhlas atau menggunakan isu itu untuk merendahkan maruah negara sendiri.

Dalam perkembangan sama, Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) Tan Sri Abdul Aziz Rahman berkata kenyataan Anwar itu hanyalah sekadar modal meraih simpati rakyat demi keuntungan politik semata-mata.

Beliau berkata tuduhan melampau Anwar mengatakan kerajaan menyembunyikan maklumat berkaitan tragedi itu sangat tidak berasas dan boleh diibaratkan sekadar cakap kosong sahaja kerana tidak mempunyai fakta sahih.

"Dia cakap tidak ada isi, cakap kosong hendak bagi rakyat sedap dengar supaya rakyat percaya dan timbul keyakinan kepada pakatan pembangkang. Ini modal politik yang sudah lapuk.

"Mana mungkin kerajaan sanggup sorok maklumat pasal MH370 ini sedangkan 26 buah negara besar seperti China pun terlibat sama dalam misi pencarian. Di sini maklumat sudahpun terdedah. Apa lagi yang dikatakan kerajaan sembunyi maklumat," kata Abdul Aziz ketika dihubungi BERNAMA di Kuala Lumpur.

Anwar berkata sistem radar Malaysia yang dibeli ketika beliau menjadi Menteri Kewangan dahulu mampu mengesan penerbangan MH370 apabila ia berpatah balik dan terbang melintasi Semenanjung Malaysia.

Sehubungan itu, Abdul Aziz meminta Anwar supaya tidak terus bersandiwara dengan memutarbelitkan cerita asal berhubung kehilangan pesawat berkenaan kerana dapat memberi impak negatif terhadap hubungan diplomatik Malaysia dengan negara yang terlibat dalam misi pencarian MH370.

"Kini sudah sampai masa untuk dia (Anwar) bertakwa dan menginsafi apa sebenarnya berlaku dan bukannya putar belit cerita. Perlu ingat banyak anggota keluarga penumpang terlibat," katanya.

Sementara itu, Presiden PERKASA Datuk Ibrahim Ali berkata Anwar tidak akan berhenti memburukkan kerajaan selagi cita-citanya untuk menjadi Perdana Menteri tidak tercapai.

"Segala perkara baik kerajaan buat dia tetap akan mencari salah dan melemparkan tohmahan yang boleh hilangkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan dan pada masa yang sama, boleh raih keuntungan politik," kata Ibrahim.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028207>